BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
JABATAN KESIHATAN AWAM *(PUBLIC HEALTH DEPARTMENT)*
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
Aras 7 & 8, BLOK E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

No. Tel : 03-8883 3888
No. Fax : 03-8888 6150
E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/3/4 Jld.2 (69)
Tarikh : 7 April 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PANDUAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN IBU HAMIL/POSTNATAL DAN PERANCANG KELUARGA DI FASILITI KKM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, rujukan KKM.600-30/12/30 Jld.2 (43) bertarikh 20 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia masih meneruskan perawatan di Klinik Kesihatan/Klinik Ibu dan Anak/Klinik Desa bagi Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak. Bagi mematuhi usaha untuk mencegah penularan wabak COVID-19 tanpa menjejaskan penjagaan dan rawatan ke atas klien, Bahagian ini telah mengeluarkan Panduan Penyampaian Perkhidmatan Ibu Hamil/Postnatal dan Perancang Keluarga di Klinik Kesihatan KKM.

3. Bersama-sama ini disertakan *Panduan Penyampaian Perkhidmatan Ibu Hamil/Postnatal dan Perancang Keluarga di Fasiliti KKM Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang boleh digunapakai di Klinik Kesihatan/ Klinik Komuniti/ Klinik Ibu dan Anak dan Klinik Desa. Panduan ini juga boleh diakses melalui laman rasmi Bahagian, **http://fh.moh.gov.my**

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk /Dato'Indera /Dato'/Datin Tuan/Puan berhubung perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. FARIDAH BINTI ABU BAKAR) MMC 27575
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan

PANDUAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN IBU HAMIL/POSTNATAL DAN PERANCANG KELUARGA DI FASILITI KKM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. Anggota klinik perlu merancang temujanji berperingkat untuk klien dan memastikan klien mematuhi temujanji tersebut. Klinik digalak menggunakan inovasi untuk mengurangkan kesesakan di dalam klinik dan memastikan penjarakan sosial dilaksanakan.

2. Anggota kesihatan perlu mengoptimakan peluang dan memendekkan proses pengendalian klien tanpa menjejaskan kualiti penjagaan.

3. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil oleh anggota klinik kesihatan;
    - Lawatan antenatal kali pertama (*Booking*)
        - Menasihati ibu untuk membuat *booking* di Klinik Desa/Klinik Kesihatan yang tidak membuat saringan COVID-19
        - Pengambilan sejarah kehamilan/perubatan dilakukan melalui telefon (*virtual consultation*)
        - Pemeriksaan fizikal dan palpasi abdomen (1st RME) dilakukan oleh Pegawai Perubatan tanpa perlu diperiksa oleh jururawat

    - Lawatan antenatal susulan
        - Keputusan ujian makmal boleh disemak oleh anggota kesihatan dan memaklumkan melalui telefon kepada klien sekiranya perlukan tindakan segera
        - Kekerapan lawatan ibu ke klinik mestilah berdasarkan penilaian dan pertimbangan oleh jururawat/pegawai perubatan/pakar mengikut keperluan ibu (*case to case basis),* tanpa menjejaskan penjagaan terutamanya ibu berisiko tinggi
        - Menggunakan kaedah untuk mempercepatkan proses kerja seperti pandu-lalu (*drive-through*) bagi pemeriksaan mudah (*simple examination*) yang bersesuaian

4. Lawatan ke rumah bagi kes antenatal/postnatal
    - Lakukan *risk assessment* bagi jangkitan COVID-19 terlebih dahulu sebelum menjalankan perawatan di rumah
        - Rujuk surat edaran Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, rujukan KKM.600-30/12/30 Jld.2 (44) bertarikh 27 Mac 2020 - Panduan Pencegahan dan Kawalan Infeksi COVID-19 untuk Anggota Kesihatan semasa Perawatan di Rumah

5. Perkhidmatan perancang keluarga
    - Pengambilan sejarah dan maklumat klien boleh dilakukan melalui telefon (*virtual consultation*)
    - Maksima pemberian bekalan *oral contraceptive pill* (OCP) dipanjangkan kepada 3 bulan. Pembekalan ubat melalui perkhidmatan *value added services* seperti Ubat Melalui Pos (UMP), Locker 2U dan Farmasi Pandu Lalu adalah digalakkan
    - Menggalakkan penggunaan kaedah suntikan hormon setiap tiga (3) bulan
    - Mengelakkan kaedah kontraseptif yang memerlukan prosedur seperti alat dalam rahim dan implant, kerana prosedur ini menyebabkan tempoh kontak yang lama bersama klien